

MRT memudahkan penggemar nasi kukus singgah di Restoran Aura Cafe & Catering

Oleh ADIL AIZUDDIN YUSOF

KUALA LUMPUR – Bagi penggemar nasi kukus, kini ada cara mudah untuk menikmati hidangan tersebut dengan hanya menaiki Transit Aliran Massa (MRT) dan berhenti di Stesen MRT Taman Connaught, Cheras di sini.

Terletak hanya 100 meter dari stesen berkenaan, Restoran Aura Cafe & Catering menyajikan nasi kukus ayam dara selain pelbagai hidangan Melayu.

Pengurusnya, Khusyairi Mohd. Tahir mengakui pembukaan Fasa Kedua MRT Sungai Buluh-Kajang (SBK) pada 17 Julai lalu memberi tuah kepada perniagaannya.

“Saya lihat ramai pelanggan baharu iaitu

dalam kalangan pelajar dan warga asing yang menggunakan MRT untuk ke kawasan sekitar Taman Connaught.

“Saya rasa beruntung kerana jarak kedai dengan stesen MRT yang dekat membolehkan pelanggan berjalan kaki ke sini,” katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Restoran masakan Melayu yang telah beroperasi sejak 10 tahun itu turut menyediakan perkhidmatan katering untuk majlis perkahwinan atau jamuan.

Premis ini pula boleh memuatkan sehingga 50 orang pelanggan pada satu-satu.

Tambah Khusyairi, sememangnya pembukaan MRT memberi kesan positif kepada orang ramai termasuklah golongan peniaga sepertinya apabila jum-



KHUSYAIRI

INFO

Restoran Aura Cafe & Catering

Lokasi: Taman Connaught, Cheras, Selangor

Stesen MRT: Taman Connaught (100 meter)

Telefon: 019-5646 415


Waktu Operasi: 8 pagi-8 malam

lah pelanggan meningkat.

Sementara itu, seorang pelanggan, Syibil Julkarim, 26, berkata, dia kini tidak perlu lagi berkereta jika merasa teringin untuk makan nasi kukus di restoran tersebut.

“Jika dulu saya sanggup berkereta dari rumah di Cheras untuk ke sini tetapi kini lebih mudah dengan menaiki MRT.

“Selain menjimatkan, saya juga tidak perlu berhadapan kesesakan lalu-lintas selain masalah mencari tempat letak kereta,” ujarnya.



SYIBIL menunjukkan hidangan nasi kukus ayam dara kegemarannya di Restoran Aura Cafe & Catering, Kuala Lumpur semalam.